

Lengkapkan ayat dalam perenggan dengan kata kerja tak transitif yang sesuai.

pulang	berseni	belajar	wujud
menjadi	berjaya	memasak	terkenal

Sarawak _____ dengan hasil kraf tangan yang unik dan _____.

Satu daripada hasil kraf tangan yang terkenal di Sarawak ialah pasu Sarawak. Pasu Sarawak dikatakan telah _____ sejak sekian lama. Kerja-kerja seni dalam penghasilan pasu Sarawak dilakukan dengan teliti sehingga _____ menghasilkan pasu Sarawak yang tahan lama, berkualiti, dan memuaskan hati pelanggan.

Sebenarnya, proses pembuatan pasu Sarawak tidak mudah. Oleh sebab itu, seseorang yang ingin _____ cara menghasilkan pasu Sarawak mesti memberikan tumpuan yang sepenuhnya hingga pasu yang dihasilkan _____.

Menurut sejarah, tujuan asal penghasilan seni kraf tangan ini adalah sebagai peralatan _____ dan kegunaan rumah tangga. Namun, seiring dengan peredaran masa, fungsi pasu Sarawak sudah dipelbagaikan menjadi lampu sisi, bekas payung, dan cenderamata oleh pelancong untuk dibawa _____ ke tempat asal mereka.